

Lelaki Indonesia mengaku bersalah tumbuk lelaki tempatan selepas diprovokasi

KUCHING: Seorang lelaki warga Indonesia didenda RM900 atau dua minggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah menumbuk seorang lelaki tempatan di bahagian muka selepas diprovokasi.

Jodi Aryanto, 35, dituduh menyebabkan kecederaan terhadap seorang lelaki berusia 50 tahun dalam keadaan provokasi berat dan mengejut.

Kesalahan itu dilakukannya pada 11 Ogos 2026, sekitar jam 11 pagi di sebuah bengkel di Jalan Ensing Timur, Jalan Batu Kawa di sini.

Mengikut fakta kes, ter-

tuduh menumbuk mangsa di bahagian mata dan kening selepas berlakupertengkaran berhubung keadaan lampu kereta mangsa yang dika-takan terjatuh dari tempat asal, menyebabkan mangsa terjatuh ke lantai.

Selepas bangun, mangsa berasa takut dan terancam serta tidak berupaya mempertahankan diri.

Sehubungan itu, mangsa membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya.

Hasil siasatan mendapati mangsa telah bertanya kepada tertuduh mengenai keadaan lampu keretanya yang kekuningan sambil menunjuk dengan jari telun-

juk ke arah tertuduh secara provokatif.

Keadaan ini menyebabkan tertuduh tidak berpuas hati dan bertindak menumbuk bahagian muka mangsa.

Oleh itu, tertuduh telah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 334 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga sebulan atau denda sehingga RM1,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nurul Aqila Morsalin di hadapan Majistret Leona Dominic Mojiliu semantara tertuduh tidak diwakili peguam.



BERSALAH: Tertuduh diiringi anggota polis selesai di-jatuhkan hukuman, semalam.